

1993

KUALA LUMPUR, 24 JULAI (BERNAMA) -- NEGARA AKAN MEMPUNYAI 22 BUAH KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN BARU DAN TAMBAHAN LEBIH DARI 60 BUAH KAWASAN PILIHANRAYA NEGERI DI BAWAH RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN PERLEMBAGAAN YANG AKAN DIBENTANGKAN DI SIDANG PARLIMEN YANG BERMULA ESOK, DEMIKIAN MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENCADANGKAN DIADAKAN LEBIH BANYAK KAWASAN PILIHANRAYA MEMANDANGKAN BERTAMBAHNYA PEMILIH BERDAFTAR.

BELIAU TIDAK MEMBERITAHU DI MANAKAH LETAKNYA KAWASAN-KAWASAN BARU ITU DAN NEGERI-NEGERI YANG TERLIBAT KERANA MENURUTNYA IA ADALAH HAK SURUHANJAYA PILIHANRAYA UNTUK MENENTUKANNYA.

+KAMI BOLEH MEMBUAT PERUNTUKAN BAGI PENUBUHAN LEBIH BANYAK KAWASAN PILIHANRAYA TETAPI LETAKNYA DAN PENENTUAN SEMPADAN KAWASAN PILIHANRAYA AKAN DITENTUKAN OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA,+ JELASNYA KEPADA BERNAMA. -- LAGI 1715/MK

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 2 KUALA LUMPUR

ADALAH DILAPORKAN YANG SEMUA NEGERI KECUALI PERLIS AKAN MEMPUNYAI SEKURANG-KURANGNYA SEBUAH KAWASAN PARLIMEN BARU.

NEGERI-NEGERI ITU TERMASUKLAH SABAH YANG DIJANGKA MENDAPAT TAMBAHAN EMPAT KAWASAN, SELANGOR TIGA, KELANTAN SEBUAH, JOHOR DUA, WILAYAH PERSEKUTUAN TIGA, PERAK DUA DAN MELAKA SEBUAH.

SEMAKAN YANG TERAKHIR IALAH PADA BULAN JULAI 1974.

PERDANA MENTERI MENAMBAH RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN MEMBERI KUASA KEPADA PARA TIMBALAN MENTERI DAN SEPIAUSAHA PARLIMEN UNTUK MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG TERMASUK RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN DI PARLIMEN. PADA MASA INI KESEMUA RANG UNDANG-UNDANG CUMA BOLEH DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KEWANGAN DAN JIKA BELIAU TIDAK HADIR, MENTERI-MENTERI LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PINDAAN ITU JUGA AKAN MEMBOLEHKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA DAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN RAKYAT MELIBATKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN SETELAH MEREKA DILANTIK UNTUK MEMEGANG JAWATAN-JAWATAN ITU. -- LAGI 1722/MK

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 3 KUALA LUMPUR

+ INI BERMAKNA KITA AKAN KEMBALI KE AMALAN ASAL DI MANA TIMBALAN YANG DI-PERTUA DAN TIMBALAN SPEAKER DIKIRA SEBAGAI ANGGOTA SEPARUH MASA DAN TIDAK PERLU MENINGGALKAN PERNIAGAAN MEREKA ATAU PEKERJAAN PROFESIONAL YANG LAIN.

TETAPI, KATANYA, MEREKA AKAN MENERIMA ELAUN-ELAUN DAN AKAN MENERIMA GAJI LEBIH KECIL DARIPADA JUMLAH YANG MEREKA TERIMA SEBAGAI TIMBALAN YANG DI-PERTUA DAN TIMBALAN SPEAKER PENUH MASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN ITU DIBUAT MEMANDANGKAN MASALAH MENDAPATKAN ORANG UNTUK MEMENUHI KEDUA-DUA JAWATAN ITU KERANA +RAMAI MEMILIH MENJALANKAN PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI+.

CADANGAN YANG SAMA JUGA AKAN DITAWARKAN KEPADA TIMBALAN PENERUSI BERBAGAI-BAGAI SURUHANJAYA TERMASUK BAGI SURUHANJAYA PILIHANRAYA DAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

TAMBAHNYA KECUALI PENERUSI, LAIN-LAIN ANGGOTA BOLEH PERNIAGAAN MEREKA SENDIRI.

+INILAH JUGA KERANA SUKARNYA MENDAPAT ORANG UNTUK MENGANGGOTAI SURUHANJAYA-SURUHANJAYA ITU.+ -- BERNAMA 1727/MK